



WAN Omar Wan Abu Bakar memeriksa perangkap belut yang dipasang di kawasan paya di Telemong, Hulu Terengganu, semalam.

Tangkap belut jadi sumber pendapatan

UM 14/11/23 m/s 34

KUALA TERENGGANU: Seorang penduduk di Kampung Kebor Besar, Manir, dekat sini, menjadikan aktiviti menangkap belut sebagai sumber pendapatan sejak 20 tahun lalu.

Menurut Wan Omar Wan Abu Bakar, 49, dia boleh menangkap antara lapan sehingga 20 kilogram (kg) belut sehari bergantung kepada cuaca semasa dan lokasi habitat spesies berkenaan.

Katanya, hasil tangkapan itu kemudian akan dijual kepada pengusaha kedai-kedai makan

dan restoran serta kedai runcit pada harga antara RM25 hingga RM30 sekilogram (kg).

Dia turut menjual belut di Pasar Manir pada setiap Sabtu dengan harga sama mengikut saiz dan sambutan diterima daripada pembeli menggalakkan.

“Ketika awal-awal dulu saya menangkap belut setiap hujung minggu kerana masih bekerja namun sejak hilang pekerjaan awal tahun ini, saya melakukan aktiviti ini sepenuh masa.

“Jika ada rezeki, hasil tangkapan boleh sampai 10 kg manakala

dalam musim hujan atau banjir pula mencecah hampir 20 kg dan aktiviti ini dibuat bersama anak lelaki, Wan Zuhairi Hafizi, 25.

“Hasil jualan juga memberi pendapatan antara RM250 sehingga RM500 setiap kali turun ‘menahan’ belut di kawasan berpayang yang dikenal pasti,” katanya.

Tambah Wan Omar, dia menggunakan 40 batang paip jenis *polyvinyl chloride* (PVC) untuk membuat perangkap dan ikan selayang yang dipanggang atau kukus sebagai umpan.